

UMS, SEIT dan TELC setuju kerjasama bangun teknologi

NST 13/5/2011 11

OLEH KAMARUDDIN LIUSIN
(kamaruddin@newsabah-times.com.my)

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SEIT) dan Tokyo Econet Limited Company (TELC) menandatangani persetujuan untuk bekerjasama bagi pembangunan teknologi untuk faedah kedua belah pihak.

Persetujuan bersama itu, memabitkan usaha sama bagi penyeragaman air laut dan air buangan oleh nanofibre dan untuk mencuci air laut daripada tumpahan minyak.

Pada majlis menandatangani surat

persetujuan itu, UMS diwakili oleh Pensyarah Program Kejuruteraan Kimia, Prof. Dr. Duduku Krishnaiah yang mewakili Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat UMS, Prof Madya Dr. Rosalam Sarbatly manakala TELC diwakili oleh Mitsuhiro Takahashi dari Tokyo Institute of Technology, Japan (Japan, Nano-Fibre Technology)

Melalui persetujuan itu, kedua-dua pihak, UMS dan TELC akan sentiasa berunding antara mereka secara bersama untuk mengusahakan aktiviti kolaborasi dan pertukaran bagi peningkatan inovasi teknologi dan modal insan.

Kedua-dua pihak juga mengiktiraf bidang kerjasama luas yang akan


memberi faedah berharga kepada UMS dan TELC.

Mereka juga telah memulakan fasa persetujuan itu dengan projek penyelidikan akademik bersama.

Pertukaran kakitangan akademik penyelidikan serta penerbitan akademik untuk penerbitan umum secara bersama.

Terdahulu itu, Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SEIT) UMS, Prof Madya Dr. Rosalam Sarbatly dalam ucapan berkata, sejak tahun lalu beberapa perbincangan telah diadakan antara SEIT dengan TELC bagi berkongsi pengalaman mengenai pembangunan teknologi nanofibred.

"Pada hari ini ianya menjadi keny-



TUKAR DOKUMEN ... Prof. Dr. Duduku Krishnaiah (kanan) bertukar dokumen dengan Mitsuhiro Takahashi (kiri).

ataan apabila surat persetujuan antara UMS dan TELC ditandatangani," katanya.

Teks ucapannya dibacakan oleh Pensyarah Program Kejuruteraan Kimia, Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, UMS, Prof. Dr. Duduku Krishnaiah.

Dr. Rosalam berkata, pencemaran

air laut oleh tumpahan minyak boleh menyebabkan masalah serius bagi persekitaran termasuk perikanan dan hidupan liar.

"Nanofibre boleh memenuhi keperluan penyeragaman dalam pembersihan air disebabkan beberapa faktor penyumbang bagi pembersihan itu," tambahnya.